

Headline **Kejohanan Bola Jaring UKM 12 April**
Date **08. Apr 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **B5**
Section **Citra** Article Size **121** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Kejohanan Bola Jaring UKM 12 April

INGIN menunjukkan bakat bermain bola jaring? Apa kata sertai Kejohanan Bola Jaring Terbuka Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2008 yang akan berlangsung pada 12 hingga 13 April. Kejohanan bukan saja terbuka untuk wanita kerana penganjur turut menyediakan kategori bagi lelaki yang berminat meskipun bola jaring lebih sinonim dengan permainan khusus untuk wanita.

Ketika ini sebanyak 68 pasukan sudah mengesahkan tempat untuk menyertai Kejohanan Bola Jaring Terbuka Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2008 yang akan berlangsung dari 12 dan 13 April 2008 di Pavilion, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Kejohanan yang julung kali diadakan itu adalah untuk mencungkil dan melahirkan bakat muda yang aktif, cergas dan berkualiti dalam permainan bola jaring.

Bagi kategori wanita, pasukan yang akan menyertai adalah daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Merlimau Melaka, Kolej Teknologi Timur, Kolej Komuniti Jempol, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Bank Simpanan Nasional, MAS, Telekom Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan UKM sendiri.

Sementara bagi kategori lelaki, pasukan yang menyertai ialah Majlis Sukan Negeri Johor, Telekom Malaysia, Cobra, Royal, Legend, Harimau Selatan dan MAS. Kategori 18 tahun ke bawah pula, pasukan yang akan bertanding adalah daripada Majlis Sukan Negeri Selangor, Sekolah Sukan Bukit Jalil, Jabatan Pelajaran Pahang, Remaja MPPJ, Sukses Ladies dan Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur.

Kejohanan kali pertama dianjurkan oleh Kelab Bola Jaring, Pusat Sukan UKM itu menawarkan hadiah menarik iaitu Johan bagi Kategori Terbuka Wanita dan Terbuka Lelaki akan menerima hadiah wang tunai RM1,000, manakala Naib Johan RM750 dan tempat ketiga serta keempat, masing-masing RM300, piala iringan dan sijil cenderamata. Selain itu Johan Kategori Terbuka Wanita turut akan menerima Piala Pusingan Naib Canselor UKM.

Bagi pasukan yang ingin menyertai kejohanan ini, penyertaan masih terbuka sehingga 10 April ini dan mereka boleh menghubungi Sharifah (012-6721046), Zalina (019-3773463), Fazlul Linda (03-8921 5176) dan Norma Ibrahim (019-6519109) atau (03-8921 6779).